

PEMALSUAN DOKUMEN PERKAHWINAN: ANALISIS TERHADAP PERUNTUKAN BERKAITAN DAN KAJIAN KES DI MAHKAMAH SYARIAH MALAYSIA

*(Forgery of Marriage Documents: Analysis of Related Provisions
and Case Study under the Malaysian Shariah Courts)*

Mohamad Aniq Aiman Alias

aniqalias@usim.edu.my

Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Mohamad Aniq Aiman Alias. (2024). Pemalsuan dokumen perkahwinan: Analisis terhadap peruntukan berkaitan dan kajian kes di mahkamah syariah Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 36(2), 161–180. [https://doi.org/10.37052/kanun.36\(2\)no1](https://doi.org/10.37052/kanun.36(2)no1)

Peroleh: 3/5/2024 <i>Received:</i>	Semakan: 23/6/2024 <i>Revised</i>	Terima: 15/6/2024 <i>Accepted</i>	Terbit dalam talian: 19/7/2024 <i>Published online</i>
---------------------------------------	--------------------------------------	--------------------------------------	---

Abstrak

Pemalsuan dokumen merupakan satu daripada cabaran apabila mengemukakan bentuk keterangan tersebut di mahkamah. Secara umumnya, terdapat pelbagai bentuk pemalsuan dokumen yang berlaku, seperti pemalsuan dokumen perkahwinan, kenyataan palsu daripada saksi dan pemalsuan tandatangan. Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan perbincangan mengenai pemalsuan dokumen perkahwinan. Hal ini dikatakan demikian kerana masih wujud kelompongan terhadap perbincangan kesalahan pemalsuan dokumen perkahwinan di mahkamah syariah Malaysia yang memerlukan kajian yang komprehensif. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk memperjelas konsep pemalsuan dokumen dan kedudukannya dalam perundangan Islam, menganalisis peruntukan undang-undang menurut perspektif fiqh dan undang-undang Syariah, serta menjalankan kajian kes pemalsuan dokumen perkahwinan di mahkamah syariah Malaysia. Bagi mencapai objektif tersebut, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu kaedah analisis dokumen daripada data primer dan data sekunder. Data yang diperoleh kemudiannya dipersembahkan dalam bentuk subtema. Kajian ini dilihat sangat penting bagi melihat bidang

kuasa mahkamah syariah apabila mengendalikan kes yang berkaitan dengan pemalsuan dokumen perkahwinan dan secara tidak langsung memberikan pendedahan kepada semua masyarakat Islam di Malaysia tentang kepentingan menjaga keaslian dokumen perkahwinan bagi tujuan perundangan. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa tiada peruntukan khusus bagi kesalahan pemalsuan secara umum, sebaliknya disabitkan di bawah kesalahan menghina mahkamah. Bagi kesalahan pemalsuan dokumen perkahwinan, pesalah boleh dijatuhi hukuman mengikut Seksyen 38 Akta Undang-undang Keluarga. Berdasarkan analisis kajian kes tersebut kadar denda yang dikenakan terhadap pesalah didapati bersifat minimum. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar kajian lanjutan dilakukan dengan melakukan perbandingan antara amalan dan praktis dengan undang-undang sivil dari segi pengendalian kes pemalsuan dokumen perkahwinan dan menganalisis peruntukan yang berkaitan.

Kata kunci: Dokumen, keterangan, pemalsuan, dokumen perkahwinan, peruntukan undang-undang, mahkamah syariah Malaysia

Abstract

Document falsification presents a significant challenge when presenting evidence in court. Various forms of document falsification exist, such as the falsification of marriage documents, false statements from witnesses, and forgery of signatures. This study focuses on the falsification of marriage documents. This focus is warranted due to the existing gap in the discussion of this offense within Malaysian Shariah courts, which necessitates a comprehensive study. The objectives of this study are to clarify the concept of document falsification and its position in Islamic law, analyze the legal provisions from the perspectives of fiqh and Shariah law, and conduct a case study on the falsification of marriage documents in Malaysian Shariah courts. To achieve these objectives, a qualitative approach was adopted, employing a document analysis method utilizing primary and secondary data. The data obtained is presented in the form of subthemes. This study is crucial in understanding the jurisdiction of the Shariah court when handling cases related to the forgery of marriage documents and in providing awareness to the Muslim community in Malaysia about the importance of preserving the authenticity of marriage documents for legal purposes. The findings of this study indicate that there is no specific provision for the offense of forgery in general; instead, it is prosecuted under the offense of contempt of court. For the offense of falsifying marriage documents, the offender can be sentenced under

Section 38 of the Family Law Act. Based on the case study analysis, the fines imposed on offenders were found to be minimal. Therefore, the researcher suggests further research comparing the practices in Shariah courts with those in civil law in terms of handling cases of falsification of marriage documents and analyzing related legal provisions.

Keywords: Documents, evidence, forgery, marriage documents, legal provisions, Malaysian syariah court

PENDAHULUAN

Dokumen merupakan satu daripada kaedah pembuktian yang paling kerap digunakan dalam prosiding mahkamah, sama ada di mahkamah syariah atau mahkamah sivil Malaysia (Mohamad Aniq Aiman Alias, 2023a). Ciri yang terdapat pada keterangan secara dokumentar yang bersifat kekal dan mudah disimpan menjadikannya dipilih sebagai kaedah pembuktian utama dalam prosiding mahkamah berbanding dengan kaedah pembuktian yang lain, seperti ikrar (pengakuan), syahadah (kesaksian) dan sumpah (Paizah Ismail, 2008; Suhaizad Saifuddin et al., 2019).

Walau bagaimanapun, keberadaan bukti daripada dokumen tersebut tidak boleh dipisahkan dari tindakan penipuan dan pemalsuan yang terjadi. Antara puncanya situasi tersebut berlaku adalah adanya beberapa pihak yang akan memalsukan dokumen semata-mata untuk kepentingan peribadi (Mohamad Aniq Aiman Alias et al., 2021a; Wan Abdul Fattah Wan Ismail et al., 2020). Menurut Mohamad Azhan Yahya et al. (2017), pemalsuan dokumen memberikan cabaran yang ketara apabila dokumen dikemukakan sebagai bukti di mahkamah. Sekiranya terdapat niat dan mekanisme penipuan yang melibatkan dokumen yang diserahkan, pemalsuan dokumen juga dapat dianggap sebagai pelanggaran hukum (Khairul Anuar Abdul Hadi & Halil Paino, 2016). Pada umumnya, terdapat pelbagai bentuk pemalsuan dokumen yang sering terjadi di dalam mahkamah, contohnya pemalsuan sijil perkawinan, penggunaan keterangan palsu daripada para saksi, serta pembuatan tandatangan palsu. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya proses pengesahan dan penentuan keaslian dokumen untuk mencegah adanya tindakan penyalahgunaan atau penipuan yang dapat membahayakan integriti di dalam sistem peradilan.

Dalam makalah ini, pengkaji memfokuskan kes yang melibatkan pemalsuan dokumen perkahwinan. Dokumen perkahwinan, seperti sijil nikah, sangat penting bagi pasangan suami isteri sebagai bukti perkahwinan yang sah (Mohamad Aniq Aiman Alias, 2022). Selain itu,

sijil nikah juga dapat digunakan bagi tujuan tertentu, seperti permohonan perceraian dan poligami, (Mohd Zahiruddin Fahmi Ahmad Zakhi, 2015). Walau bagaimanapun, masih wujud kelomongan terhadap perbincangan mengenai kesalahan jenayah pemalsuan dokumen perkahwinan di mahkamah syariah Malaysia.

Oleh itu, makalah ini menganalisis perundangan terhadap kesalahan pemalsuan dokumen, khususnya dalam kes perkahwinan di mahkamah syariah Malaysia. Pengkaji terlebih dahulu memperjelas konsep pemalsuan dokumen dan kedudukannya dalam perundangan Islam. Dalam bahagian seterusnya, pengkaji menganalisis peruntukan undang-undang menurut perspektif fiqah dan undang-undang Syariah. Pada akhir makalah ini, pengkaji menganalisis kes pemalsuan dokumen perkahwinan di mahkamah syariah Malaysia.

KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa kajian lepas yang membincangkan keterangan dokumentar, seperti konsep dokumen sebagai kaedah pembuktian, kebolehterimaannya dalam prosiding mahkamah syariah dan beberapa cabaran yang dihadapi ketika mengemukakan bentuk keterangan tersebut. Walau bagaimanapun, masih tiada kajian terperinci yang membincangkan kesalahan pemalsuan dokumen, khususnya dalam kes perkahwinan di mahkamah syariah Malaysia.

Kata dokumen berasal daripada bahasa Arab, iaitu *kitābah*, yang merupakan kata terbitan bagi *katāba*, *kātban* dan *kitāban* yang bermaksud tulisan (Al-Zuhaily, 1994; Wan Abdul Fattah Wan Ismail, 2020). Sebahagian ulama, seperti ‘Abdul Haseeb Abdul Salam Yusif (1987), Ibn ‘Abidin (1995) dan Al-Zuhailiy (1994) telah memberikan takrifan dokumen. ‘Abdul Haseeb (1987) mendefinisikan dokumen sebagai tulisan di atas sehelai kertas yang berkaitan dengan hutang, hak, harta atau obligasi kontrak yang direkodkan atau dicipta oleh individu yang terlibat dengan tujuan penciptaan medium pembuktian. Ibn Áābidín (1995) pula menggambarkan dokumen sebagai nota yang tulis pada helai kertas, tanah atau dinding yang dapat difahami jika dibaca. Seterusnya, Al-Zuhailiy (1994) mendefinisikan dokumen sebagai segala sesuatu yang dapat disampaikan melalui kata menggunakan huruf tertentu dengan syarat maklumat yang ingin disampaikan adalah jelas dan dapat difahami. Tujuannya adalah agar perkara yang direkodkan dapat dijadikan bukti sekiranya berlaku pertikaian pada masa akan datang.

Takrifan dokumen juga turut dinyatakan dalam Seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561] dan Seksyen 3 Akta Keterangan 1950 [Akta 56]. Menurut Mohamed Fouzi Mokhtar et al., (2020) juga, penggunaan dokumen sebagai kaedah pembuktian berperanan penting bagi menyokong proses keadilan dalam sistem perundangan dengan menyediakan bukti yang konsisten, sah dan mudah dicapai bagi pihak yang berkepentingan. Pernyataan ini diperkuat oleh pandangan Nur Sarah Tajul Urus dan Alias Azhar (2018) yang menjelaskan bahawa dokumen ialah alat penting untuk menyokong hujah-hujah yang dibangkitkan di mahkamah. Dalam konteks ini, dokumen yang tercatat berperanan penting dalam membuktikan atau menolak dakwaan yang diajukan. Sebagai contoh, dalam kes *Halijah Abdul Rahman lwn Zambree Baharom* [2009] 1 CLJ (SYA) 402, mahkamah menerima keterangan dalam bentuk dokumen elektronik, iaitu khidmat pesanan ringkas (SMS), sebagai bukti yang sah untuk menentukan status perceraian pasangan suami isteri tersebut. Penggunaan dokumen ini menunjukkan bahawa dalam sistem perundangan, dokumen bukan sekadar alat pembuktian, tetapi penting dalam menjamin keadilan proses mahkamah. Dengan demikian, adalah jelas bahawa dokumen berperanan penting untuk sistem perundangan sebagai satu daripada aspek yang tidak dapat dipisahkan dalam penentuan kebenaran dalam proses perbicaraan.

Selain itu, dalam kajian yang dilakukan oleh Wan Abdul Fattah Wan Ismail et al., (2021b), penulis menyatakan bahawa terdapat beberapa cabaran yang dihadapinya ketika mengemukakan keterangan secara dokumentari. Antaranya termasuklah dokumen tersebut mudah dimanipulasikan yang akhirnya menyebabkan berlakunya pemalsuan terhadap bukti tersebut. Hal ini disebabkan oleh wujudnya segelintir masyarakat yang akan memalsukan dokumen demi meraih keuntungan sendiri semata-mata (Al-Zanibat Ghaziyy Al-Mubarak, 2005; Mohamad Aniq Aiman Alias, 2023b).

Seterusnya, Mohamad Aniq Aiman Alias et al. (2021b) secara umumnya menganalisis konsep pemalsuan dokumen menurut perspektif perundangan Islam dengan menggunakan pendekatan analisis tinjauan literatur sistematik. Hasil kajian menunjukkan bahawa pemalsuan dokumen merupakan satu daripada cabaran dari segi penerimaan dokumen sebagai kaedah pembuktian dalam prosiding mahkamah. Walau bagaimanapun, pengkaji tersebut tidak membincangkan kesalahan pemalsuan dokumen, khususnya dalam kes perkahwinan di mahkamah syariah Malaysia secara terperinci.

Bagi Jamilah Jamilah et al., (2019), terdapat pihak yang masih tidak mengambil berat dan mengambil mudah terhadap dokumen perkahwinan, seperti sijil nikah. Hal ini disebabkan oleh kurangnya pemahaman mengenai kepentingan sijil nikah sekiranya berlaku pertelingkahan antara suami dengan isteri. Selain itu, laporan berita oleh Skuad Khas Harian Metro (2021) menunjukkan bahawa perbuatan pemalsuan dokumen atau tandatangan dalam kes pemalsuan poligami ialah kesalahan jenayah yang boleh didakwa di mahkamah. Hal ini menunjukkan bahawa pemalsuan dokumen perkahwinan perlu dilihat secara serius.

Walau bagaimanapun, masih wujud kelompongan terhadap perbincangan mengenai pemalsuan dokumen perkahwinan, khususnya di mahkamah syariah Malaysia. Sebaliknya, kajian sebelumnya banyak memfokuskan perbincangan mengenai konsep dokumen sebagai kaedah pembuktian, kebolehterimaannya dalam prosiding mahkamah syariah dan analisis secara umum terhadap cabaran yang dihadapi ketika mengemukakan keterangan secara berdokumen. Dalam makalah ini, pengkaji secara terperincinya membincangkan peruntukan yang berkaitan dengan kajian kes di mahkamah syariah Malaysia, khususnya yang berkaitan dengan pemalsuan dokumen perkahwinan.

METODOLOGI

Dalam makalah ini, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dengan melakukan analisis dokumen. Menurut Fischer (2006), analisis dokumen merupakan prosedur sistematik untuk menyemak atau menilai dokumen secara bercetak dan elektronik. Analisis dokumen dalam penyelidikan kualitatif melibatkan pemeriksaan dan pentafsiran data untuk memperoleh makna, mendapatkan pemahaman dan mengembangkan pengetahuan empirikal (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Menurut Bowen (2009), analisis dokumen ini dapat dilakukan terhadap dokumen yang ada dalam bentuk fizikal atau elektronik. Untuk melakukan kajian ini, pengkaji merujuk dua sumber utama, iaitu data primer dan data sekunder. Data primer yang digunakan terdiri daripada al-Quran, hadis, undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561], Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1998 [Akta 585]. Analisis kandungan ialah kaedah yang digunakan untuk menganalisis data yang telah dikumpulkan sehingga dapat memahami dan mengekstrak maklumat penting daripada dokumen teks. Setelah itu, hasil analisis ini akan depersempahkan dalam beberapa subtema (Leavy, 2017).

PERBINCANGAN DAN DAPATAN

Bahagian ini membincangkan konsep pemalsuan dokumen dan kedudukannya dalam perundangan Islam, analisis peruntukan bagi kesalahan pemalsuan dokumen menurut fiqh dan undang-undang syariah Malaysia dan kajian kes terhadap jenayah pemalsuan dokumen perkahwinan di mahkamah syariah Malaysia.

Konsep Pemalsuan Dokumen dan Kedudukannya dalam Perundangan Islam

Apabila dokumen diserahkan sebagai bukti di mahkamah, satu daripada persoalan yang perlu ditangani ialah potensi pemalsuan dokumen. Walaupun bukti tersebut kekal tidak berubah, belum tentu bahawa dokumen tersebut bebas daripada unsur pemalsuan yang pada akhirnya memberikan manfaat kepada pihak yang jahat dan menyakiti pihak yang berhak (Wan Abdul Fattah Wan Ismail et al., 2021)

Kata Arab yang digunakan untuk pemalsuan ialah *tazwīr*. Pemalsuan yang dikenali dengan istilah *tazwīr* ialah perbuatan atau ucapan yang melanggar fakta, berasal daripada kata *zawwara* yang bermaksud perbuatan yang menyimpang daripada kebenaran. Kata *tazwīr* yang merupakan kata terbitan *az-zur* telah disebut secara jelas dalam surah al-Hajj (22:30) seperti yang berikut:

Demikianlah perintah Allah. Dan barang siapa mengagungkan apa-apa yang terhormat di sisi Allah (*hurumat*), maka itu lebih baik baginya di sisi TuhanYa. Dan dihalalkan bagi kamu semua haiwan ternak kecuali yang diterangkan kepadamu keharamannya, maka jauhilah penyembahan berhala-berhala yang najis itu dan jauhilah perkataan dusta.

Ayat tersebut mengingatkan manusia agar menjauhi kata dusta, seperti berkata-kata palsu dan kata palsu. Hal ini merupakan bentuk kesyirikan terhadap Allah SWT dan termasuk dalam dosa besar (Ibn Kathīr, 2003). Selain itu, sebagian ulama mendefinisikan *tazwīr* sebagai perbuatan mengubah sesuatu sehingga dilihat asli untuk menutup kebenaran dan mendedahkan kebatilan seolah-olah benar (Al-Ṭabarī, 2008). Dalam Al-Mausū'ah al-Fiqhiyyah (1998), pemalsuan didefinisikan sebagai tindakan yang mengaburkan kebenaran hingga tidak terlihat, sama ada dalam kata, seperti saksi palsu atau dalam perbuatan, seperti menciplak tulisan dengan tujuan menipu dalam pembuktian.

Tidak hanya itu, apabila ada niat untuk melakukan penipuan, pemalsuan dokumen juga dianggap sebagai suatu jenayah. Hal ini dikatakan demikian kerana pemalsuan dokumen dapat disifatkan sebagai perbuatan memusnahkan, mengubah suai, mencacatkan atau memalsukan mana-mana dokumen asli (Khairul Anuar Abdul Hadi & Halil Paino, 2016). Maka, segala yang berkaitan dengan penipuan, seperti memberikan keterangan palsu atau memalsukan tandatangan, juga termasuk dalam kategori pemalsuan dokumen.

Menurut Samir Burhan Mahmoud Hasan (2010), perbuatan memalsukan dokumen ialah suatu kezaliman kerana menyalimi pihak yang berhak dengan memenangkan pihak yang berbohong. Al-Quran telah menegaskan hukuman dan larangan bagi mereka yang berbohong, menipu, bahkan memalsukan dokumen. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Zumar ayat 60 (2012) yang bermaksud:

Dan pada hari kiamat engkau akan melihat orang-orang yang berbuat dusta terhadap Allah, wajahnya menghitam. Bukankah neraka Jahanam itu tempat tinggal bagi orang yang menyombongkan diri?

Seterusnya, Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Hajj ayat 30 (2012) yang bermaksud:

Demikianlah (perintah Allah). Dan barang siapa mengagungkan apa yang terhormat di sisi Allah (hurumat), maka itu lebih baik baginya di sisi Tuhananya. Dan dihalalkan bagi kamu semua haiwan ternakan, kecuali yang diterangkan kepadamu (keharamannya), maka jauhilah (penyembahan) berhala-berhala yang najis itu dan jauhilah perkataan dusta.

Dengan berdasarkan dalil ini, perbuatan berbohong, menipu dan memalsukan dokumen secara tidak langsung mengundang kemurkaan Allah SWT. Nabi Muhammad SAW menekankan perbuatan tersebut dalam hadis yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari (2654) dengan maksud hadis nombor 2654 seperti yang berikut:

Adakah kamu mahu aku beritahu kamu dosa yang paling besar? Nabi mengulanginya tiga kali. Para sahabat menjawab, “*Sudah tentu wahai Rasulullah*”. Maka Rasulullah SAW bersabda, “*Syirik kepada Allah, derhaka kepada ibu bapa dan persaksian palsu*”.

Selain itu, Nabi Muhammad SAW turut menekankan perkara ini dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim (t.t.) hadis nombor 102 seperti yang berikut:

Daripada Abu Hurairah, daripada Nabi Shallallahu ‘alaihi wa sallam, beliau bersabda: “*Sesiapa yang menipu maka dia bukan dari kalanganku.*”

Dengan berdasarkan dalil daripada al-Quran dan hadis di atas, agama Islam menegaskan larangan terhadap penipuan dan pemalsuan dalam apa-apa jua bentuk. Pada penelitian pengkaji, pemalsuan dokumen ialah perbuatan mengubah maksud asal sesuatu dokumen untuk memperdaya dan memudaratkan orang lain.


Di samping itu, Islam mengkategorikan perbuatan tersebut sebagai dosa besar dan dapat mengundang kemurkaan Allah SWT. Hal ini disebabkan oleh perbuatan tersebut dapat memudaratkan orang yang tidak bersalah dan menguntungkan orang yang melakukan pemalsuan.

Analisis Peruntukan bagi Kesalahan Pemalsuan Dokumen menurut Fiqah dan Undang-undang Syariah Malaysia

Dalam bahagian ini, pengkaji mengupas perincian berkaitan dengan kesalahan pemalsuan dokumen mengikut fiqah dan undang-undang di bawah bidang kuasa mahkamah syariah Malaysia. Tinjauan analisis terhadap peruntukan undang-undang terhadap kesalahan pemalsuan dokumen menurut fiqah dan perundangan syariah ditunjukkan dalam Rajah 1.

Dalam fiqah, hukuman bagi kesalahan pemalsuanan dokumen berada di bawah kategori takzir. Dari segi bahasa, takzir berasal daripada kata bahasa Arab, iaitu ‘azara, yang bermaksud mencela dan memberikan pengajaran (Ibn Manzur, t.t.). Menurut definisi fuqaha, takzir ialah hukuman yang tidak ditetapkan kadarnya dan wajib dilaksanakan sebagai hak Allah SWT atau hak manusia dalam setiap maksiat yang tiada pembalasan had dan kafarah (Amir, 1976; Hamidi Abdul Ghani, 2004).

Takzir juga dikhatuskan bagi kesalahan yang tiada penetapan bentuk hukuman, sebaliknya hukuman yang disabitkan berdasarkan budi bicara kerajaan, seperti penjara, sebat, buang sekolah, mempamerkan pesalah di tempat awam dan khidmat masyarakat (Mohamad Aniq Aiman Alias, 2022). Al-Māwardī (1995) turut menyatakan bahawa hukuman takzir ialah kaedah untuk mendidik pesalah yang melakukan kesalahan yang tidak diklasifikasikan dalam kesalahan hudud. Kadar takzir pula berbeza-beza dan bergantung pada suasana dan keadaan pesalah itu sendiri.



Rajah 1 Ringkasan analisis peruntukan undang-undang terhadap kesalahan pemalsuan dokumen menurut fiqah dan perundangan syariah

Hal ini menunjukkan bahawa secara umumnya, tiada peruntukan khusus bagi kesalahan pemalsuan dokumen di bawah perundangan Islam, sebaliknya memberikan kuasa penuh kepada hakim untuk menjatuhkan hukuman yang sesuai terhadap pesalah. Ulama fiqah, seperti Imam Abu Hanifah, Imam Syafie, Imam Hanbali dan Imam Maliki, berbeza pandangan mengenai hukuman yang dikenakan terhadap orang yang didapati bersalah memalsukan dokumen. Walau bagaimanapun, semua ulama ini bersetuju bahawa kesalahan pemalsuan dokumen berada di bawah kategori takzir dan hukumannya berdasarkan keputusan yang dikeluarkan oleh hakim (Wan Abdul Fattah Wan Ismail, 2020).

Di bawah bidang kuasa mahkamah syariah Malaysia pula, tiada peruntukan khusus bagi kesalahan pemalsuan dokumen, sebaliknya kesalahan tersebut hanya diklasifikasikan sebagai kesalahan menghina mahkamah. Bagi kesalahan seperti ini, Seksyen 229(1) Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998 [Akta 585] menetapkan bahawa:

Seksyen 229 (1). Penghinaan Mahkamah. Notis Menunjukkan Sebab.

“Mahkamah hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk memulakan prosiding terhadap mana-mana orang kerana menghina mahkamah dan boleh, dalam prosiding itu, membuat perintah pengkomitan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau boleh mengenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit”.

Peruntukan ini menunjukkan bahawa tiada peruntukan khusus bagi kesalahan pemalsuan di bawah bidang kuasa syariah; sebaliknya, disabitkan di bawah kesalahan menghina mahkamah semata-mata. Dalam kes perkahwinan, sekiranya didapati bersalah apabila memalsukan dokumen pekahwinan, seseorang individu itu dapat disabitkan kesalahannya di bawah Akta Undang-undang Keluarga Islam (UUKI), iaitu berdasarkan Seksyen 38 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] (akta yang dirujuk), iaitu:

Seksyen 38. Akuan atau pernyataan palsu untuk mendapatkan perkahwinan.

“Mana-mana orang yang bagi maksud mendapatkan apa-apa perkahwinan di bawah akta ini dengan sengaja membuat apa-apa akuan atau pernyataan palsu adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dengan penjara tidak melebihi enam bulan atau dengan kedua-duanya denda dan penjara itu”.

Oleh itu, mana-mana individu yang didapati bersalah apabila memalsukan dokumen dalam kes perkahwinan akan disabitkan hukuman di bawah seksyen ini. Walaupun terdapat peruntukan dalam UUKI bagi kesalahan pemalsuan dokumen dalam kes perkahwinan, seperti kesalahan memberikan keterangan palsu atau akuan palsu, untuk mendapatkan kebenaran berkahwin, hukuman yang dikenakan terhadap pesalah masih di

bawah budi bicara hakim Syarie. Hal ini dapat dilihat dalam beberapa kes yang pernah dilaporkan di mahkamah syariah, seperti *Kholed bin Dinyati lwn Ketua Pendakwa Syarie Melaka (2009) 29 JH 2*, *Pendakwa Syarie lwn Azlan Daniels bin Abdullah [2008] 2 SHLR 158* dan *Pendakwa Syarie lwn Badiuzzaman b. Abdul Rajak* (No. Kes Jenayah Syariah: 14003-149-0015-2010) yang akan dibincangkan secara terperinci dalam bahagian seterusnya.

Kajian Kes terhadap Jenayah Pemalsuan Dokumen Perkahwinan di Mahkamah Syariah Malaysia

Pengkaji menemukan beberapa kes yang berkaitan dengan kesalahan pemalsuan dokumen perkahwinan di mahkamah syariah Malaysia. Antaranya termasuklah kes *Kholed bin Dinyati lwn Ketua Pendakwa Syarie Melaka (2009) 29 JH 2*, *Pendakwa Syarie lwn Azlan Daniels bin Abdullah [2008] 2 SHLR 158* dan *Pendakwa Syarie lwn Badiuzzaman b. Abdul Rajak* (No. Kes Jenayah Syariah: 14003-149-0015-2010). Oleh itu, pengkaji membincangkan kes ini secara terperinci dalam bahagian ini. Ringkasan kajian kes bagi jenayah pemalsuan dokumen perkahwinan ditunjukkan dalam Jadual 1.

Dalam kes *Kholed bin Dinyati lwn Ketua Pendakwa Syarie Melaka (2009) 29 JH 2*, tertuduh didakwa kerana mengemukakan pengakuan palsu untuk mendapatkan sijil nikah dengan menggunakan kad pengenalan orang lain. Bagi tujuan tersebut, tertuduh memperdaya bakal isteri, ibu bapa mertua, imam dan doktornya untuk mendapatkan sijil nikah dan pensijilan bebas virus imunodefesiensi manusia (HIV). Oleh itu, Pendakwa Raya Jabatan Agama Negeri Melaka memfailkan pertuduhan terhadap tertuduh di bawah Seksyen 38 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002. Menerusi seksyen tersebut, tertuduh boleh dihukum denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara dalam tempoh tidak melebihi setahun atau kedua-duanya sekali. Walau bagaimanapun, tertuduh memfailkan rayuan terhadap keputusan hakim bicara dan mahkamah memutuskan untuk hanya mengenakan denda dan mengetepikan hukuman penjara terhadap tertuduh. Mahkamah syariah berhujah bahawa kesalahan ini ialah kesalahan pertama yang dilakukan oleh tertuduh yang menyebabkan pembatalan hukuman penjara kerana tertuduh tidak mempunyai rekod jenayah lampau.

Menerusi penghakiman tersebut, hukuman yang dikenakan mengikut budi bicara hakim Syarie, iaitu mahkamah membatalkan

Jadual 1 Ringkasan kajian kes bagi jenayah pemalsuan dokumen di mahkamah syariah Malaysia

No.	Nama Kes	Fakta Kes	Keputusan Penghakiman
1.	<i>Kholed bin Dinyati lwn Ketua Pendakwa Syarie Melaka (2009) 29 JH 2</i>	Tertuduh telah didakwa kerana membuat pengakuan palsu untuk mendapatkan sijil nikah dengan menggunakan kad pengenalan orang lain.	Mahkamah memutuskan untuk hanya mengenakan denda dan mengetepikan hukuman penjara terhadap tertuduh. Mahkamah syariah berhujah bahawa kesalahan ini ialah kesalahan kali pertama yang dilakukan oleh tertuduh yang menyebabkan pembatalan hukuman penjara kerana tertuduh tidak mempunyai rekod jenayah lampau.
2.	<i>Pendakwa Syarie lwn Azlan Daniels bin Abdullah [2008] 2 SHLR 158</i>	Tertuduh secara palsu menyatakan bahawa dirinya masih bujang dan belum berkahwin dalam borang permohonan untuk mendapat kebenaran berkahwin bagi tujuan berpoligami.	Mahkamah mengenakan denda sebanyak RM999 dan hukuman penjara dalam tempoh lima bulan dan hukuman penjara dalam tempoh 30 hari jika tidak membayar denda tersebut.
3.	<i>Pendakwa Syarie lwn Badiuzzaman b. Abdul Rajak (No. Kes Jenayah Syariah: 14003-149-0015-2010)</i>	Tertuduh didapati bersalah membuat pengakuan palsu untuk mendapatkan perkahwinan. Tertuduh mengemukakan kenyataan dan sijil bujang, walaupun mempunyai isteri.	Mahkamah memerintahkan tertuduh untuk membayar RM650 sebagai ganti rugi terhadap kesalahan yang dilakukannya.

hukuman penjara terhadap tertuduh kerana kesalahan tersebut merupakan kesalahan pertama baginya dan tertuduh tidak mempunyai rekod jenayah. Hukuman yang dikenakan oleh mahkamah dalam kes ini dilihat minimum walaupun tertuduh melakukan kesalahan serius dengan memperdayakan beberapa orang, termasuklah bakal isteri, ibu bapa mertua, imam dan doktor. Pada zaman ini, kebanyakan masyarakat dilihat mampu membayar denda dan denda yang dikenakan masih tidak berkesan dalam mendidik masyarakat (Mohd Zahruddin Fahmi Ahmad Zakhi, 2015). Menerusi kes ini, pengkaji mencadangkan agar pihak berautoriti menyemak semula peruntukan di bawah bidang kuasa mahkamah syariah, khususnya yang berkaitan dengan hukuman bagi kesalahan tersebut, seperti Seksyen 38 Undang-undang Keluarga Islam bagi memastikan keberkesanan dan kerelevannya dalam situasi semasa.

Seterusnya, dalam kes *Pendakwa Syarie lwn Azlan Daniels bin Abdullah* [2008] 2 *SHLR* 158, tertuduh secara palsu menyatakan bahawa dirinya masih bujang dan belum berkahwin dalam borang permohonan untuk mendapatkan kebenaran berkahwin. Tertuduh mengemukakan kenyataan palsu, menipu dan berbohong ketika memohon kebenaran berkahwin di Pejabat Agama Islam Klang. Perbuatan tersebut dilihat sebagai suatu kesalahan besar dan tidak bermoral, dan seolah-olah mencabar mahkamah. Hal ini berdasarkan kesan dan akibat tindakan tertuduh yang melibatkan dirinya, isteri, keluarga isterinya, termasuklah pegawai agama terbabit, selain maruah jabatan kerajaan yang berorientasikan Islam akan tercalar, dan secara tidak langsung dilihat sebagai menghina undang-undang syariah Malaysia. Dalam kes ini, mahkamah mendenda tertuduh sebanyak RM999 dan mengenakan hukuman penjara dalam tempoh lima bulan dan penjara dalam tempoh 30 hari jika tertuduh tidak membayar denda itu. Pada penelitian penyelidik terhadap kes ini, tertuduh merupakan individu yang berpendidikan, berpangkat tinggi dan disenangi oleh masyarakat. Denda yang ditetapkan sepuluh tahun yang lalu dilihat sebagai kurang berkesan untuk mencegah salah laku masyarakat pada masa ini. Oleh itu, pihak berkuasa dicadangkan untuk meneliti semula peruntukan yang berkaitan dengan kesalahan ini agar jumlah kes sebegini dapat dikurangkan pada masa akan datang dan dapat memberikan kesedaran kepada pelaku.

Akhir sekali, dalam kes *Pendakwa Syarie lwn Badiuzzaman b. Abdul Rajak* (No. Kes Jenayah Syariah: 14003-149-0015-2010), tertuduh didapati bersalah kerana mengemukakan pengakuan palsu, iaitu kenyataan

dan sijil bujang untuk mendapatkan kebenaran kahwin walaupun tertuduh sudah mempunyai isteri. Berikutnya itu, tertuduh didapati bersalah di bawah Seksyen 38, dibaca bersama-sama Seksyen 17 (Mengeluarkan kebenaran berkahwin) dan 23 (Poligami). Tertuduh telah berbohong kepada Pegawai Perkahwinan, Perceraian, dan Rujuk, yang meluluskan perkahwinannya. Sepatutnya, tertuduh perlu mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada mahkamah syariah untuk berpoligami. Dalam kes ini, mahkamah memerintahkan tertuduh untuk membayar RM650 sebagai ganti rugi terhadap kesalahan yang dilakukannya.

Menerusi analisis terhadap kajian kes tersebut, pengkaji berpendapat bahawa hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah adalah minimum dan dilihat tidak mampu untuk memberikan pengajaran kepada pesalah. Pembayaran denda hingga RM2,000 (seperti yang dilihat dalam kes *Kholed bin Dinyati lwn Ketua Pendakwa Syarie Melaka (2009) 29 JH 2*) dianggap kurang berkesan pada masa ini kerana kebanyakan masyarakat mampu membayarnya. Hal ini menunjukkan bahawa hukuman yang diterima oleh pesalah dilihat tidak mampu memberikan didikan dan kesedaran terhadap dirinya. Natijahnya, kes yang berhubung dengan kesalahan ini bakal meningkat. Oleh itu, institusi kehakiman syariah Malaysia disarankan untuk meneliti semula Seksyen 38 Undang-undang Keluarga Islam dan mencadangkan hukuman yang lebih ketat bagi kesalahan mengemukakan keterangan palsu untuk berpoligami atau pemalsuan dokumen (dengan tumpuan kepada UUKI). Selain itu, pihak berautoriti juga dicadangkan untuk meneliti semula peruntukan yang berkaitan dengan kesalahan pemalsuan dokumen secara umum agar dapat menanganinya dengan lebih baik pada masa akan datang.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, dokumen ialah satu daripada bentuk kaedah pembuktian yang paling kerap digunakan, sama ada di mahkamah sivil dan mahkamah syariah Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana dokumen berperanan penting sebagai alat pembuktian di mahkamah bagi mensabitkan atau menafikan sesuatu dakwaan. Walau bagaimanapun, keterangan melalui dokumen juga tidak terlepas daripada pemalsuan dan penipuan disebabkan oleh peri laku orang yang tidak bermoral dalam perbuatan tersebut. *Al-tazwir* ialah kata Arab yang bermaksud pemalsuan. Menurut perundangan Islam, pemalsuan dokumen merupakan

satu perbuatan yang sangat keji dan termasuk dalam kategori dosa besar. Pengkaji turut menganalisis peruntukan yang berkaitan dengan kesalahan pemalsuan dokumen menurut fiqah dan undang-undang syariah di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa menurut fiqah, hukuman bagi kesalahan pemalsuan dokumen adalah di bawah kategori takzir, manakala kesalahan pemalsuan dokumen secara umum disabitkan di bawah kesalahan menghina mahkamah, iaitu di bawah Seksyen 229(1). Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998 [Akta 585] dan pemalsuan dokumen perkahwinan disabitkan mengikut Seksyen 38 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303].

Pada akhir perbincangan, pengkaji turut menganalisis kes yang berkaitan dengan pemalsuan dokumen perkahwinan yang telah dilaporkan di mahkamah syariah Malaysia. Hasil kajian kes tersebut mendapatkan bahawa hukuman yang dikenakan oleh mahkamah bersifat minimum, iaitu tidak melebihi RM2000. Pada penelitian pengkaji, kadar maksimum yang dikenakan dilihat tidak mampu menyedarkan pesalah terhadap kesalahan yang dilakukannya kerana jumlah tersebut mampu dibayarnya. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar pihak berautoriti untuk meneliti semula kadar hukuman bagi kesalahan pemalsuan dokumen perkahwinan dengan merujuk Seksyen 466 Kanun Keseksaan [Akta 547] yang memperuntukkan hukuman penjara dalam tempoh tidak lebih daripada tujuh tahun dan denda, manakala Seksyen 42 Akta Membaharui (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) [Akta 1976] memperuntukkan hukuman penjara dalam tempoh tidak lebih daripada tujuh tahun dan denda tidak lebih daripada RM10,000. Hal ini menunjukkan bahawa hukuman yang dikenakan terhadap pesalah di bawah undang-undang Malaysia adalah berat dan mampu menyedarkan pesalah tentang kesalahan yang dilakukannya.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia kerana memberikan sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Selaku penulis tunggal, pengarang bertanggungjawab atas keseluruhan penulisan makalah ini.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisyiharkan.

RUJUKAN

- ‘Abdul Haseeb ‘Abdul Salam Yusif. (1987). *Al-qadi wa al-bayyinah*. Maktabata al-Mu’allah.
- Abdul Aziz Amir. (1976). *Al-ta’zir fi al-shariat al-Islamiah*. Dar al-Fikri Al-Arabi.
- Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561].
- Akta Membaharui (Perkahwinan dan Perceraian)(Pindaan) [Akta 1976].
- Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1998 [Akta 585], 1998.
- Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303], 1984.
- Al-Mausu‘ah al-Fiqhiyyah. (1998). *Wizarah al-awqaf wa al-syu‘un al-Islamiyyah*. Isdar Wizarah al-Auqaf wa al-Syu‘un al-Islamiyyah.
- Al-Mawardī. (1985). *Al-ahkam al-Sultaniyyah wa al-wilayah al-diniyyah*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Qur'anul Kareem & Terjemahannya Rasm Uthmani. (2012). Pustaka Darul Iman.
- Al-Tabari. (2008). *Al-ta‘aqud ibra al-internet dirasah muqaranah*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Zanibat Ghaziyy Al-Mubarak. (2005). *Al-khibrah al-fanniyyah fii ithbat al-tazwiir fii al-mustanadat al-khatiyyah fannan wa qanunah*. Dar al-Thaqafah.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40.
- Fischer, C. T. (2006). *Research methods for psychologists: Introduction through Empirical Studies*. Elsevier Inc.
- Halijah Abdul Rahman lwn Zambree Baharom [2009] 1 CLJ (SYA) 402.
- Hamidi Abdul Ghani. (2004). Ta’zir dan pelaksanaannya di Malaysia. *Jurnal KIAS*, 1(1), 28–50.

- Ibn Áābidín. (1995). *Hasyiah radd al-mukhtar ‘ala al-dur al-mukhtarn syarh tanwir al-Absar*. Dar al-Fikr.
- Ibn Kathir. (2003). *Tafsir Ibnu Katsir* Jilid 5. Pustaka Imam asy-Syafi’i.
- Ibn Manzur. (t.t.). *Lisan al-Arabi*. Dar Ihya’ Al-Turah Al-Arabi.
- Jamilah Jamilah, Mega T Puspita, Endang Dimyati, Tetep Tetep, Prima Melati. (2019). People’s unawareness of the importance of marriage certificate. *Prosiding International Conference on Business, Law and Pedagogy (ICBLP) 2019*. Sidoarjo, Indonesia.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. *Prosiding Konferen di Kursus Penyelidikan Kualitatif*. Institut Pendidikan Guru Malaysia.
- Kanun Keseksaan [Akta 547], 2021.
- Khairul Anuar Abdul Hadi & Halil Paino. (2016). Legal perspectives towards forgery, fraud and falsification of documents: Recent development. *Malaysian Accounting Review*, 15(2), 93–109.
- Kholed bin Dinyati lwn Melaka Chief Syarie Prosecutor* (2009) 29 JH 2.
- Leavy, L. (2017). *Research design: Quantitative, qualitative, mixed methods, arts-based, and community-based participatory research approaches*. The Guilford Press.
- Mohamad Aniq Aiman Alias, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin & Lukman Abdul Mutalib. (2021a). *An overview on the falsification of document according to fiqh and legal perspectives* (238–247). *Prosiding 8th International Conference on Management and Muamalah*. Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Selangor.
- Mohamad Aniq Aiman Alias, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin & Lukman Abdul Mutalib. (2021b). Systematic literature review on the concept of document falsification according to Islamic syariah law. *Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains (SAIS)*. Persatuan Kakitangan Akademik, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohamad Aniq Aiman Alias. (2022). *The falsification of documents in marriage cases under the civil and syariah courts in Malaysia: An appraisal analysis* [Disertasi sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohamad Aniq Aiman Alias. (2023a). Forensic science and its application in documentary evidence in Malaysian syariah courts. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 36(1), 107–120.
- Mohamad Aniq Aiman Alias. (2023b). Pemalsuan dokumen dan kedudukannya dalam perundangan syariah di Malaysia. *Journal of Management and Muamalah*, 13(1), 31–43. <https://doi.org/10.53840/jmm.v13i1.142>
- Mohamad Azhan Yahya, Ahmad Azam Mohd Shariff & Mohd Abu Hassan Abdullah. (2017). Keterangan dokumen dalam bentuk digital di mahkamah

- syariah: Analisis berkaitan definisi serta kebolehterimaannya di sisi prinsip syariah di Malaysia. *UKM Journal Article Repository*, 1, 1–12.
- Mohamed Fauzi Mokhtar, Wan Abdul Fattah Wan Ismail & Ahmad Syukran Baharuddin. (2020). Pembuktian melalui dokumen dalam kes-kes pengesahan hibah di mahkamah syariah di Malaysia. *Prosiding International Seminar on Syariah and Law (INSLA)*. Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Zahiruddin Fahmi Ahmad Zakhi. (2015). *Perkahwinan tidak mengikut prosedur: Kajian di mahkamah syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Nur Sarah Tajul Urus & Alias Azhar. (2018). The application of fatwa in court decision making. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3(9), 83–94.
- Paizah Ismail. (2008). Kaedah pembuktian dalam kes hudud. *Jurnal Fiqh*, 5, 23–46. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol5no1.2>
- Pendakwa Syarie lwn Azlan Daniels bin Abdullah [2008] 2 SHLR 158.
- Pendakwa Syarie lwn Badiuzzaman b. Abdul Rajak (No. Kes Jenayah Syariah: 14003-149-0015-2010).
- Samir Burhan Mahmoud Hasan. (2010). *Ahkam jara'im al-tazwir fi fiqh al-Islami*. Universiti al-Najah.
- Skuad Khas Harian Metro. (2021, 30 Mac). Pemalsuan dokumen untuk berpoligami adalah kesalahan jenayah. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/03/689587/pemalsuan-dokumen-untuk-berpoligami-adalah-kesalahan-jenayah>.
- Suhaizad Saifuddin, Ruzian Markom & Mohd. Munzil Muhamad. (2019). Kaedah pembuktian dalam undang-undang keterangan mahkamah syariah dan mahkamah sivil di Malaysia: Suatu kajian perbandingan. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 31(1), 1–34.
- Wahbah Al-Zuhaily. (1994). *Wasa'il al-ithbat fi al-syari'ah al-Islamiyyah wa al-mu'amalat al-madaniyyah wa al-ahwal al-syakhsiyah*. Maktabah al-Mu'ayyad.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin, Lukman Abdul Mutalib & Mohamad Aniq Aiman Alias. (2021a). An appraisal of digital documents as evidence in Islamic law. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies*, 10(3), 198–205. <https://doi.org/10.36941/ajis-2021-0076>
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin, Lukman Abdul Mutalib & Mohamad Aniq Aiman Alias. (2021b). A systematic analysis on the admissibility of digital documents as evidence in Malaysian syariah courts. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 29(3), 1981–1996.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin, Lukman Abdul Mutalib & Mohamad Aniq Aiman Alias. (2020). The admissibility of digital

document according to syariah law: A preliminary analysis. *Prosiding International Seminar on Syariah and Law (INSLA)*. Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

Wan Abdul Fattah Wan Ismail. (2020). *Keterangan dokumentar menurut fiqh dan undang-undang keterangan Islam di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.